

Headline	Semakan tarif elektrik Januari 2018		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	09 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	742 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,732



→ DASAR&PENTADBIRAN

Semakan tarif elektrik Januari 2018

→ Kerajaan belanja RM1.303 bilion tampung peningkatan kos bahan api bagi tempoh Julai hingga Disember

■ Kuala Lumpur

Semakan tarif elektrik di Semenanjung seterusnya adalah pada Januari 2018 selepas kerajaan bersetuju mengekalkan rebat tarif elektrik 1.52 sen/kWj di Semenanjung bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember tahun ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang, berkata semakan kos pembekalan elektrik dilaksanakan Suruhanjaya Tenaga di bawah dasar semakan semula ke atas kos bahan api dan kos penjanaan lain (ICPT) pada setiap enam bulan.

“Semakan terkini dibuat bagi tempoh Januari hingga Jun 2017.

“Tetapi, pada 30 Jun 2017, kerajaan bersetuju membelanjakan RM1.303 bilion untuk menampung peningkatan kos bahan api dan penjanaan bekalan elektrik kepada Semenanjung bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini,” katanya dalam program temubual ‘Ruang Bicara’ terbitan BERNAMA News Channel pada Rabu.

Zaini berkata, perbelanjaan sebanyak RM1.303 bilion itu diterjemahkan pada kadar 2.54 sen/kWj, yang mana 1.52 sen/kWj digunakan untuk mengekalkan rebat tarif elektrik dan 1.02 sen/kWj digunakan untuk menampung surcaj kenaikan harga bahan api yang dibayar terus kepada penjana kuasa seperti Tenaga Nasional Bhd dan penjana bebas seperti Malakoff Corporation Bhd dan YTL Power Ge-

neration Sdn Bhd.

Pelepasan caj

“Ini bermakna, kerajaan mengadakan pelepasan caj yang sepatutnya dikenakan kepada pengguna. Bagaimanapun, kita mengambil keputusan untuk mengekalkan rebat ICPT pada kadar 1.52 sen/kWj untuk memastikan pengguna dapat bekalan elektrik pada kadar tarif sama,” katanya.

Selain itu, Zaini berkata, semakan mengenai tarif asas akan datang juga akan dilakukan pada Januari 2018.

“Ketika ini, tarif asas yang disemak setiap tiga tahun adalah pada kadar tetap, iaitu 38.53 sen/kWj,” katanya.

Tarif asas mengambil kira harga asas bahan api utama seperti gas berpaip, arang batu dan gas asli cecair.


BERNAMA

Kerajaan mengadakan pelepasan caj yang sepatutnya dikenakan kepada pengguna. Bagaimanapun kita mengambil keputusan untuk mengekalkan rebat ICPT pada kadar 1.52 sen/kWj untuk memastikan pengguna dapat bekalan elektrik pada kadar tarif sama”



Zaini Ujang,
Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air

Headline	Semakan tarif elektrik Januari 2018		
MediaTitle	Berita Minggu	Color	Full Color
Date	09 Jul 2017	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	20	ArticleSize	742 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 25,577
Journalist	N/A	PR Value	RM 76,732
Frequency	Daily		



KESAN PERUBAHAN HARGA BAHAN API KE ATAS TARIF ELEKTRIK

